

Tambahan RM500j rangsang ekonomi

UM 2 1 SEP 2001

KUALA LUMPUR 20 Sent. — Kerajaan akan memperuntukan RM500 juta lagi bagi projek-projek pembangunan kecil seluruh negara sebagai sebahagian daripada langkah untuk mengatasi kemungkinan kesan negatif ekonomi daripada serangan pengganas di Amerika Syarikat, demikian diumumkan hari ini.

Syed Imran Alsagoff, setiausaha akhbar kepada Datuk Seri Dr. Rais Yatim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata Rais telah disalah petik dalam beberapa laporan akhbar sebagai berkata yang kabinet semalam telah meluluskan sejumlah RM1 bilion untuk pakej rangsangan itu.

Beliau menjelaskan jumlah yang diluluskan oleh kabinet ialah RM500 juta dan akan digunakan untuk pembangunan projek-projek yang melibatkan kontraktor-kontraktor berskala kecil.

Pada 14 September lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata kerajaan secara serius mengkaji kesan daripada serangan pada 11 September itu dan telah tidak menolak penggunaan langkah-langkah rangsangan fiskal tambahan.

Kerajaan telah mengumumkan pakej rangsangan ekonomi sebanyak RM3 bilion Mac tahun ini untuk menanganikan kesan kelembapan ekonomi yang berpanjangan di Amerika Syarikat selain daripada peruntukan RM28 bilion yang diumumkan pada Belanjawan 2001, Oktober lepas.

Adalah dipercayai bahawa semua kementerian telah diarahkan untuk mempercepatkan penggunaan peruntukan mereka.